
AL-HIKMAH

Jilid **9** **ISSN 1985-6822** **2017**
No. **1** **1438**

- ANALISIS AWAL PEMILIHAN JODOH KAUM LELAKI DI KOTA BHARU, KELANTAN ...3-24
Abdul Munir Ismail & Muhamad AR
- HUBUNGAN ANTARA GAYA KEPIMPINAN PENGETUA DAN KEPUASAN KERJA KAKITANGAN KOLEJ KEDIAMAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA ...25-32
Zaizul Ab. Rahman & Qurratu Ain Rapihi
- KESAN FILEM SERAM TERHADAP PEGANGAN AGAMA: SUATU TINJAUAN LITERATUR ...33-48
Siti Aisyah Hadi Munir @ A. Hadi & Muhammad Faisal Asha'ari
- ANALISIS TERHADAP TAHAP-TAHAP KETAGIHAN MENURUT TEORI AL-'ISHQ IBNU QAYYIM AL-JAWZIYYAH ...49-59
Abdul Wahab Md. Ali
- PENGHAYATAN AGAMA ISLAM DALAM KALANGAN BIDAYUH MUSLIM SARAWAK ...60-79
Roziah Binti Chek & Jaffary Bin Awang
- TRANSFORMASI HUBUNGAN KEKELUARGAAN SAUDARA KITA DARI SUDUT AKHLAK SELEPAS MEMELUK ISLAM DI JOHOR ...80-109
Nur Najwa Hanani Abd Rahman & Razaleigh Muhamat @ Kawangit
- BAHASA DA'I DALAM KOMUNIKASI DAKWAH KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI ...110-127
Nur Damia Husna Nor Sad & Zulkefli Haji Aini
- GERIMIS: PENGGUNAAN FILEM TAN SRI P. RAMLEE SEBAGAI KAJIAN KES DALAM KURSUS KOMUNIKASI ANTARA BUDAYA DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) ...128-140
Selvarani P. Kovil Pillai
- KESEDARAN AGAMA DI KALANGAN BELIA DI DESA KEDA SADEK, KUPANG, KEDAH: SUATU KAJIAN TINJAUAN LITERATUR...141-158
Muhammad Khairul Azhar Ghazali & Nur 'Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah
- SUMBANGAN SHAYKH MUIM AL-WAHHAB DALAM BIDANG POLITIK DI BESILAM LANGKAT... 159-172
Zikmal Fuad & Abdul Ghafar Don
- BOOK REVIEW: ARCHAEOLOGY & WORLD RELIGION... 173-179
Badlihisham Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don, Gan Wei Nie, Ismah Shamirah Ismail, Nur Amira Mohd Zailani & Raja Puteri Nurul Affiqah Raja Ahmad

Al-Hikmah 9(1) 2017: 141-158

Kesedaran Agama di Kalangan Belia di Desa KEDA Sadek, Kupang, Kedah: Suatu Kajian Tinjauan Literatur

Religious Awareness Among Youth in KEDA Sadek Village, Kupang, Kedah:
A Review of Literature

MUHAMMAD KHAIRUL AZHAR GHAZALI
NUR 'ATHIROH MASYAA'IL TAN ABDULLAH

ABSTRAK

Kesedaran agama boleh dertiakan sebagai tatacara kehidupan beragama seseorang individu muslim. Namun, isu cabaran belia Muslim yang sering kali dikaitkan dengan gejala negatif disebabkan kesedaran agama yang tidak begitu kukuh dan pemahaman agama lemah serta faktor-faktor yang berpengaruh. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti senario permasalahan yang sedang dialami oleh belia muslim di Desa KEDA Sadek, Baling, Kedah dan mencari solusi kepada permasalahan tersebut. Sindrom sosial yang paling kritikal dan sering menjadi tumpuan di desa KEDA ini adalah masalah kepincangan peribadi atau keruntuhan akhlak seperti pengabaian kewajipan solat, pendedahan aurat, pergaualan bebas, salah laku seks, perjudian, melepak, lumba motorsikal dan terlibat dalam kes jenayah seperti bergaduh, mencuri, merogol dan penagihan dadah. Saiz sampel yang terlibat adalah seramai 62 orang respondan terdiri daripada belia-belia KEDA ini. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian bersepadan dengan menggunakan dua cara bagi mendatangkan hasil kajian yang tepat dan bermutu. Antara bentuk kajian yang akan digunakan ialah kajian lapangan (fieldwork research) dan kajian perpustakaan (arm chair research). Pengumpulan data sebanyak mungkin secara empirikal dan satu set soal selidik digunakan untuk melihat dan menjelaskan bagaimana proses gejala negatif ini tumbuh dan menjadi tabiat di kalangan belia. Tiga perkara asas iaitu iman, Islam dan ihsan yang perlu difahami dan dikuasai bagi menjalin kesedaran agama yang memberi natijah kepada maju mundur generasi Islam. Kombinasi empat elemen bagi membentuk peribadi belia muslim. Empat elemen tersebut ialah ilmu, amal, istiqamah dan ikhlas. Kajian ini memberi implikasi yang baik terhadap perkembangan dakwah dalam mencari kaedah yang efektif dan menarik bagi membantu para pendakwah Muslim dalam penyebaran dakwah Islamiah di kalangan belia Muslim di negara Malaysia khususnya.

Kata kunci: kesedaran, agama, belia, Desa KEDA Sadek

ABSTRACT

Religion awareness can be defined as a Muslim's religious way of life. However, the issue of challenges among Muslim teenagers have always been linked to social problems due to lack of religion awareness and understanding as well as other influential factors. This study aims to recognize the problem scenarios experienced by Muslim teenagers at Desa KEDA Sadek, Baling, Kedah and to find the solutions. The most critical social syndrome that often becomes the main focus at Desa KEDA is individual moral decay like neglecting prayers, uncovering of aurah, unrestricted interaction between genders, free sex, gambling, loafing, illegal racing and involvement in other criminal cases namely fighting, stealing, raping and drug addiction. 62 KEDA youths are involved in this study as respondents. Empirical data collection and a questionnaire are used in this research to explain how the youths can be involved with all negative activities. A few hypotheses are formed and aligned with the findings to produce an accurate results. The hypotheses are; a – Moral decay among youths is caused by the weak understanding of Islam; b – Moral decay among youths is caused by family, society and media which leads to leading life without religious values; c – Moral decay among youths is very much influenced by the failure of mosque in playing roles as an institution which gives an understanding about Islam and controlling society to always practice positive values. Thus, faith (Iman), Islam and mercy (Ihsan) have to be learnt and understood in promoting religion awareness and affecting the fate of Islamic generation. There are four elements which shape Muslim youths' personality. They are knowledge (ilm), practice (amal), persistence (istiqamah) and sincerity (ikhlas). This study gives good impact in the development of da'wah and finds effective and interesting ways in helping Muslim preachers to spread values of Islam among Muslim youths, specifically in Malaysia.

PENGENALAN

Belia adalah golongan yang dianggap mendominasi sesebuah masyarakat. Ini berdasarkan populasinya yang lebih besar berbanding golongan yang lain. Segala harapan dan matlamat sesuatu bangsa, negara dan agama itu diletakkan kepada golongan belia. Dalam kerangka hidup yang berperingkat, era belia boleh diklasifikasikan sebagai era yang terbaik dan sempurna kerana di usia ini seseorang insan itu dapat mencapai tahap kekuatan fizikal yang maksimum dan kecerdasan akal yang sempurna. Biasanya kerja-kerja berat yang memerlukan kekuatan fizikal yang tinggi akan dilakukan oleh belia. Kecerdasan mental belia juga dapat dilihat dengan kreativiti, agresif dan proaktif mereka dalam urusan sehari-hari yang jarang dapat dilakukan oleh golongan kanak-kanak maupun orang tua.

Belia juga telah mencapai tahap pengurusan emosi yang baik hingga mereka mampu memimpin orang lain seperti keluarga, anak-anak dan masyarakat. Kekuatan negara Islam Madinah yang dipimpin oleh Rasulullah SAW tentunya menjadi contoh sejarah yang jelas bagaimana golongan belia ini bertindak sebagai tonggak utama dalam pembangunan syiar agama dan kekuatan negara. Bermula dari bidang pendidikan, pengurusan hinggalah ke medan pertempuran ternyata baginda Rasulullah SAW meletakkan golongan belia di posisi paling hadapan dan menonjol serta diberikan tugas-tugas yang penting. Ini menunjukkan betapa usia belia perlu dimanfaat sebaik mungkin hingga memberi kesan yang sangat baik dalam jangka masa panjang kepada ummah. Baginda sendiri pernah bersabda di dalam hadith Abu Hurairah RA yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari, “.... antara 7 golongan yang mendapat naungan ‘arasyh di hari akhirat kelak ialah pemuda yang hidup dalam keadaan beribadah kepada Allah.

Antara belia yang terlatih di dalam madrasah Rasulullah SAW seperti Mus'ab bin Umair, seorang pemuda yang sanggup meninggalkan kekayaan keluarganya demi Islam dan akhirnya terkorban syahid kerana menegakkan Islam. Amar bin Yasir, sehingga Rasulullah SAW yakin dengan imannya walaupun dikhabarkan dia telah murtad. Ali bin Abi Talib, orang paling hadapan dalam setiap peperangan kerana sangat berani mempertahankan Islam. Abdullah ibn Umar, sahabat yang sangat sayangkan baginda hingga setiap tingkah lakunya pasti menurut sunnah. Abdullah ibn Abbas, Abdullah ibn Zubair, Bilal ibn Rabbah dan ramai lagi. Kesemua belia ini mengoptimumkan kelebihan masing-masing hingga berjaya mengangkat Islam sebagai agama yang disegani oleh kuasa-kuasa besar dunia.

Maka rugilah sekiranya golongan belia tidak dimanfaatkan sebaiknya untuk pembangunan ummah malah lebih malang jika di usia paling baik ini mereka terlibat dengan hal-hal yang meruntuhkan sahsiah diri. Ini tentu akan memberi kesan yang negatif terhadap generasi akan datang seperti kata-kata Profesor Dr. Yusuf al-Qardhawi, "Apabila kita hendak melihat wajah negara pada masa hadapan, lihatlah generasi mudanya pada hari ini, sekiranya golongan muda pada hari ini adalah daripada kalangan yang berakhhlak dan berhemah tinggi, tentunya negara kita pada masa hadapan menjadi sebuah negara yang aman makmur tetapi jika keadaan adalah sebaliknya, maka bersedialah untuk berhadapan dengan kemungkinan buruk yang akan berlaku." Jika masalah yang melanda belia pada hari ini tidak diendahkan, maka rosaklah generasi akan datang. Negara juga akan berhadapan dengan krisis ketandusan pemimpin dan tenaga mahir, kesan daripada kurangnya belia berkualiti yang mampu mendepani cabaran teknologi, pemikiran dan kemahiran.

Ibnu Khaldun, seorang sarjana, ahli fikir, pakar sejarah dan ahli sosiologi Islam yang terkemuka pada abad ke 14 masehi telah mengkaji mengenai jatuh bangunnya sesuatu bangsa dalam bukunya Al-Muqaddimah. Dalam kajian tersebut, kesimpulan yang dinyatakan bahawa sesuatu bangsa itu akan mencapai kecemerlangan hanya apabila terdapatnya unsur kekuatan dalam ikatan persaudaraan dan kesedaran keagamaan dalam diri setiap individu. Apabila perpecahan, kejahilan dan kebejatan sosial telah melanda, bangsa itu pasti akan mengalami saat-saat keruntuhannya.

Abdullah Muhammad Zin (2001) berkata generasi muda adalah pemimpin pada masa hadapan. Mereka merupakan aset yang penting bagi negara. Pada masa kini dan akan datang, generasi muda berhadapan dengan permasalahan-permasalahan yang membebankan mereka. Sekiranya permasalahan-permasalahan ini tidak dapat ditangani dengan bijaksana, maka akan timbulah perbuatan-perbuatan liar dan tidak dapat diterima oleh masyarakat.

Masalah kepincangan peribadi golongan belia di negara-negara Islam selalu menjadi bahan perbahasan pemikir-pemikir Islam yang prihatin terhadap masa depan bangsa dan umat Islam. Di Malaysia masalah yang sama juga menjadi satu-satunya bahan perbincangan yang terpenting berhubung dengan isu-isu sosial dan kehidupan semasa. Antara kepincangan yang menonjol ialah lahirnya gejala keruntuhan akhlak. Wujudnya gejala penolakan kepada setiap nilai tradisi bangsa dan ummat serta kecenderungan untuk menerima segala nilai baru tanpa mengambil kira sama ada yang baru itu serasi dengan nilai-nilai asasi agama Islam yang menjadi anutan mereka atau tidak (Faisal Othman 1991).

Sindrom sosial yang berlaku pada hari ini merupakan gambaran yang tidak baik terhadap generasi belia. Belia seringkali dikaitkan dengan masalah-masalah negatif dan kemunduran prestasi hidup. Antara gejala negatif yang sinonim dengan belia seperti melepak, bergaduh, lumba haram, penagihan dadah dan arak, pelacuran, penzinaan, perjudian, samseng dan lain-lain.

Melihat situasi semasa, permasalahan yang paling dibimbangi adalah kefahaman dan penghayatan agama di kalangan belia. Boleh dikatakan indeks kefahaman dan penghayatan agama semakin menurun hingga banyak amalan yang sepatutnya dilaksanakan sebagai muslim telah ditinggalkan. Ramai yang meninggalkan solat, tidak mampu membaca al-Quran, tahap penguasaan asas fardhu ain yang lemah, adab dan tutur bicara yang hilang nilai Islam, dan tidak mengendahkan perkara halal dan haram dalam agama. Bila situasi ini berlaku maka keberkatan hidup akan terangkat

hingga membawa kepada situasi hari-hari yang mendatang itu lebih buruk dari hari sebelumnya.

Allah telah mengingatkan di dalam al-Quran al-Karim, akibat yang akan menimpa daripada gejala negatif yang berlaku dalam masyarakat melalui surah al-Nahl ayat 112,

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ آمِنَةً مُطْمَئِنَةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغْدًا مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرُتْ بِإِنْعَمِ اللَّهِ فَأَدَّقَهَا اللَّهُ لِيَسَرِ الْجُنُوحِ وَالْخُوفِ إِمَّا كَانُوا يَصْنَعُونَ

Maksudnya :

“Dan Allah telah membuat suatu perumpamaan (dengan) sebuah negeri yang dahulunya aman lagi tenteram, rezekinya datang kepadanya melimpah ruah dari segenap tempat, tetapi (penduduk)nya mengingkari nikmat-nikmat Allah; kerana itu Allah merasakan kepada mereka pakaian kelaparan dan ketakutan, disebabkan apa yang selalu mereka perbuat.”

(Al-Quran, Al-Nahl 16:112)

Azizah Bahari (1995) menyatakan antara masalah yang sering dikaitkan dengan golongan belia umumnya ialah penagihan dadah, berpeleseran, sikap mengutamakan hiburan, kurang atau tidak berminat terhadap pertubuhan atau kegiatan-kegiatan belia, mudah terpengaruh dengan budaya kepenggunaan, kurang dan tiada kemahiran, serta tidak bersemangat dan kurang inisiatif untuk memperbaiki diri.

Di awal kewujudannya iaitu sekitar tahun 90an, KEDA Sadek merupakan desa yang bertuah bagi semua penduduk dalam pelbagai aspek. Dasar yang dirancang dengan baik telah membantu kelancaran pengurusan penduduk yang sistematik dan program-program menaikkan taraf penduduk dilaksana dengan teliti. Suasannya yang harmoni kerana semua penduduk saling hormat-menghormati tanpa ada rasa tinggi diri dan tidak memandang rendah kepada yang lain. Hubungan penduduk begitu akrab walaupun datang dari kawasan dan kampung yang berlainan. Kemeriahinan dan ketenangan turut terasa dengan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan. Hubungan sesama penduduk seperti sebuah keluarga hingga anak orang lain sentiasa dipantau dan diambil berat seperti anak sendiri. Belia KEDA Sadek ketika itu dijadikan role-model atas beberapa pencapaian positif yang biasanya sukar dicapai oleh masyarakat luar bandar seperti diterima masuk ke intitusi pengajian tinggi dan kini di kalangan

mereka ada yang menjawat jawatan tinggi di sektor kerajaan dan swasta serta ada yang berkhidmat di institusi akademik.

Banyak program yang disusun kepada belia terlaksana dengan baik hingga ada yang mendapat anugerah khas samada di peringkat KEDA mahupun negeri seperti Projek Industri Kecil Sederhana. Selain itu KEDA berjaya melahirkan qari dan qariah Majlis Tilawah al-Quran hingga mewakili daerah Baling ke peringkat Negeri Kedah. Kumpulan selawat, marhaban, burdah dan qasidah yang aktif ke rumah-rumah sebagai acara hiburan dan dakwah Islami serta mengeratkan silaturahim. Tidak ketinggalan seni mempertahankan diri juga dipelajari belia sebagai membina jati diri dan juga dijemput membuat persempahan-persempahan khas. Dalam kesukanan, kumpulan bola sepak belia KEDA Sadek yang dikenali sebagai ‘Projet FC’ juga mencapai tahap yang membanggakan hingga menjuarai beberapa perlawanan dan dibawa ke Riau, Indonesia bagi perlawanan persahabatan. (Temu bual dengan Sobri b. Che Hat. 2015. 18 November)

Kini semua kenangan tersebut tersimpan dalam lipatan sejarah. Pelbagai isu kepincangan peribadi belia telah menyelebungi penduduk seolah-olah KEDA Sadek sekarang bukan lagi yang dahulu. Perkembangan gejala negatif dengan cepat mengusai sebahagian besar belia hingga kes-kes jenayah dan salah laku yang tidak pernah berlaku sebelum ini tetapi kini sudah menjadi biasa. Bahkan berbanding desa-desa lain, KEDA Sadek lebih menonjol dalam isu negatif terutama yang berkaitan dengan dadah. Tidak terkecuali salah laku lain seperti sumbang mahram, rogol, anak luar nikah, pelacuran dan bohsia. Walaupun ada kes yang mana pelakunya bukanlah warga KEDA Sadek tetapi mereka menjadikan KEDA Sadek sebagai ‘port’ bersembunyi dan menyelamatkan diri daripada buruan pihak polis. Isu-isu kehancuran ini menjadikan KEDA Sadek lebih menonjol dalam hal negatif walaupun masih ada dari kalangan belia yang berjaya. (Temu bual dengan Hashim b. Abd Rahman. 2015. 18 Novemver).

Dari pemerhatian inilah yang mendorong pengkaji untuk menjalankan penyelidikan bagi mengenalpasti apakah punca yang menghalang belia KEDA Sadek dari mencapai kesedaran agama yang baik dan mengamalkannya. Pengkaji juga akan berusaha memberi cadangan penyelesaian yang bersesuaian bagi mengatasi permasalahan yang sedang dihadapi.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada golongan belia kerana belia mempunyai banyak cabaran dan tanggungjawab untuk memenuhi tuntutan kehidupan sebagai seorang manusia dan pewaris negara. Sebagai belia muslim, mereka memerlukan kekuatan akidah dan pemahaman agama yang mantap dalam meneruskan kelangsungan hidup bersyariat hingga generasi seterusnya.

Adapun kajian menyeluruh dilakukan di KEDA Sadek adalah kerana ia merupakan penempatan masyarakat yang sepatutnya masih mengamalkan budaya hidup sepakat dan erat, tambahan pula ia mempunyai organisasi urus tadbir yang lebih tersusun berbanding kampung-kampung yang lain.

PERMASALAHAN KAJIAN

Penulis cenderung untuk mengkaji permasalahan belia muslim di KEDA Sadek setelah meneliti keadaan semasa yang berlaku kini. Acap kali kita disajikan dengan berita dan isu-isu kurang enak tentang gejala negatif dan kerosakan akidah yang melibatkan golongan remaja dan belia muslim.

Hari ini KEDA bukan sahaja perkampungan yang mengumpulkan penduduk bagi membantu mereka meningkatkan kualiti hidup dan produktiviti tetapi ia juga merupakan penempatan kepada permasalahan sosial dan jenayah. Ini dapat dikenalpasti dengan tersenarainya KEDA Sadek sebagai kawasan pantauan pihak polis terutama dalam kes-kes melibatkan penagihan dadah dan tidak ketinggalan juga salah laku yang lain seperti mencuri, perjudian, pelacuran dan berlumba haram (Temu bual dengan Koperasi Tuah B. Kusmat. 2015. 15 Oktober)

Menyentuh kepada pemfokusan golongan belia, hakikatnya belia merupakan generasi yang menggambarkan situasi dan masa depan negara. Belia sering dikaitkan dengan gejala negatif seperti pergaulan bebas, salah laku dan juga jenayah yang lebih serius. Faktor-faktor yang menyumbang kepada permasalahan ini tidak lain kecuali bermula dari didikan dan kesedaran agama yang lemah.

Selain itu juga, golongan belia memerlukan tempat bergantung seperti institusi keluarga, masyarakat dan agama yang memberi perhatian, mengawal dan mengambil tindakan segera terhadap setiap isu yang melanda golongan ini. Pengisian dan sokongan dari sudut rohani dan fizikal yang agak kendur membuatkan mereka mencari apa sahaja yang sesuai dengan

kehendak diri selain dari pengaruh rakan sebaya yang juga merupakan faktor utama.

Oleh yang demikian, penulisan ini akan mefokuskan permasalahan berkaitan kesedaran agama di kalangan belia di KEDA Sadek. Dengan penulisan ini adalah diharapkan sedikit sebanyak akan memberikan fakta-fakta yang kukuh sebagai panduan penyelidikan ilmiah. Selain daripada itu, ianya dapat dijadikan wasilah untuk para pendakwah menerokai metodologi yang lebih berkesan dalam usaha menjalankan dakwah dan penerapan agama ke atas golongan belia.

Proses mendapatkan data agak sukar pada kebiasaannya dalam mana-mana penyelidikan. Pungutan data untuk penyelidikan ini akan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu data primary dan data sekunder. Data primary agak sukar dikumpul hingga proses untuk mendapatkannya memakan masa yang lama. Pengkaji telah hadir berkali-kali ke penempatan responden untuk memastikan proses tersebut dapat dilakukan. Adakalanya responden tidak mahu memberikan kerjasama atas faktor kurang selesa mendedahkan hal-hal peribadi.

Namun permasalahan ini dapat diatasi kerana pengkaji adalah anak watan. Pengkaji juga dilantik sebagai penceramah tetap Program Jelajah “Keluarga Bahagia KEDA” sebanyak 9 siri dan dijemput mengisi kuliah-kuliah khas sejak tahun 2011 hingga kini. Di samping itu, pengalaman penulis sebagai finalis program realiti televisyen di saluran Astro Oasis dalam rancangan Imam Muda banyak membantu untuk cepat mesra dan mudah menghampiri segenap lapisan masyarakat KEDA. Pengkaji juga telah mengadakan pertemuan beberapa kali dengan responden yang tertentu dan terkadang untuk memastikan kebenaran fakta pengkaji akan mengadakan soal selidik dengan keluarga, jiran atau rakan yang paling rapat hubungannya dengan responden.

Data yang berbentuk sekunder tidaklah begitu rumit. Ini disebabkan ia boleh diperolehi daripada sumber perpustakaan, media cetak dan juga media elektronik. Untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang asli seperti dari pejabat KEDA, 4P dan balai polis tidaklah begitu sukar kerana ianya mendapat kerjasama yang positif dari pihak berkenaan.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah latar belakang penempatan KEDA Sadek dan sosio-budaya masyarakatnya?

- ii. Apakah faktor yang menjadi pendorong kepada permasalahan belia di KEDA Sadek?
- iii. Bagaimanakan peranan institusi keluarga dan kemasyarakatan di KEDA Sadek berfungsi?
- iv. Bagaimanakah tahap kefahaman belia KEDA Sadek tentang agama Islam?

HIPOTESIS

Dalam kajian ini, penulis telah membuat beberapa hipotesis:

Hipotesis Pertama : Kepincangan peribadi belia berpunca daripada pemahaman Islam yang lemah.

Hipotesis Kedua : Kepincangan peribadi belia berpunca daripada faktor keluarga, masyarakat dan media yang mendorong kepada kehidupan tanpa nilai agama.

Hipotesis Ketiga : Kepincangan peribadi belia banyak dipengaruhi kelemahan institusi agama dan kebajikan kerana tidak memainkan peranan yang baik dan menyeluruh dalam memberikan kefahaman Islam dan mengawal masyarakat agar berada dalam lingkungan tarbiah Islamiah atau nilai-nilai positif.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengesahkan pola permasalahan belia KEDA Sadek yang berlaku hasil daripada pengaruh gejala negatif yang tiada batasan dan halangan. Di dalam tajuk ini juga pengkaji cuba menjelaskan secara keseluruhan konsep kehidupan dan penghayatan agama yang perlu diamalkan sebagai belia muslim.

Tindakan yang menyeluruh meliputi gabungan tiga elemen utama iaitu mental, fizikal dan rohani bagi membina peribadi belia muslim yang mempunyai kesedaran agama. Permasalahan yang menjadi penghalang utama bagi belia KEDA Sadek mencapai kesedaran agama yang baik seperti mana generasi awal KEDA akan menjadi fokus utama kajian. Seterusnya solusi yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak dalam mengatasi masalah tersebut. Bagi mencapai kesempurnaan dalam kajian ini maka beberapa langkah berikut akan dilakukan :

- i. Pengumpulan data sebanyak mungkin secara empirikal serta menjelaskannya mengikut kaedah penyelidikan. Ini boleh menjelaskan bagaimana gejala negatif dapat tumbuh dan menjadi tabiat kebanyakan belia

muslim di KEDA Sadek. Kajian ini mengambil kira latar masa dari tahun 1992 hingga 2015.

ii. Menjelaskan kesan daripada gejala negatif yang berlaku sehingga menyebabkan perubahan fizikal, mental dan rohani belia muslim KEDA Sadek, kemudian menyenaraikan langkah solusi melalui pendidikan agama yang menyeluruh.

iii. Mengenalpasti keadaan pemerkasaan modul dakwah yang ilmiah dan praktikal dengan kehidupan bermasyarakat sebagai modul tindakan bagi menerapkan nilai agama dan mengatasi permasalahan belia muslim di negara ini. Pihak berwajib seperti kerajaan, institusi agama, kebajikan, biro agama KEDA dan badan-badan berkaitan perlu bertindak dengan lebih sistematis dan efektif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam bentuk kajian bersepadu dengan menggunakan dua cara bagi mendatangkan hasil kajian yang tepat dan bermutu. Antara bentuk kajian yang akan digunakan ialah kajian lapangan (fieldwork research) dan kajian perpustakaan (arm chair research). Dalam kajian ini, data-data yang cuba dikumpulkan oleh penulis samada dalam bentuk data atau huraihan menggunakan metod seperti penyelidikan kepustakaan, analisa dokumentasi yang terdiri daripada bahan-bahan bertulis atau dokumen, soal selidik melalui pengedaran borang soal selidik ke atas sampel kajian serta metode menemubual terhadap responden secara bersemuka dengan kaedah pemerhatian. Dengan yang demikian, maklumat-maklumat berkaitan kajian lebih mudah diperolehi dan dapat menguatkan hasil kajian yang dilakukan.

PENYELIDIKAN KEPUSTAKAAN

Penyelidikan kepustakaan penting diaplikasikan dalam penyelidikan ini supaya penulis mendapat maklumat, pengetahuan dan kefahaman yang mendalam berkenaan permasalahan yang menjadi fokus kajian. Kajian kepustakaan melibatkan dua perkara penting iaitu analisis kandungan dan juga analisis dokumen. Syed Arabi Iridid (2002) memetik kenyataan Brelson (1952) mentakrifkan analisis kandungan sebagai satu teknik penyelidikan komunikasi luaran yang dibuat secara objektif, sistematik dan kuantitatif. Objektif yang dimaksudkan beliau ialah pemecahan kategori yang jelas supaya seorang pengkaji lain, jika membuat kajian dan menggunakan kategori yang sama akan memperolehi hasil yang jelas. Oleh itu, hasil yang

diperolehi bergantung kepada tatacara yang digunakan, bukan mengenai seorang penganalisis itu. Sistematik bermakna penggunaan satu tatacara yang sama. Selain itu ia juga bermakna analisis adalah digunakan untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan soalan-soalan penyelidikan. Berelson (1952) juga menjelaskan kuantitatif bererti setiap kandungan yang dikaji adalah diberikan satu nilai bernombor atau dihitung secara kekerapan. Luaran pula diertikan setiap butiran (item) kandungan akan dicatat mengikut apa yang ternyata dan bukan berdasarkan perasaan pengkaji itu. Syed Arabi Irid (2002) menjelaskan bahawa sarjana-sarjana dalam bidang sastera rakyat, sejarah, psikologi, ilmu bahasa, organisasi dan kognitif juga menggunakan kaedah analisis kandungan untuk menjalankan penyelidikan mereka. Oleh itu, dalam penyelidikan pengajian Islam amat sesuai menggunakan analisis kandungan dalam penyelidikan kerana ia sebahagian daripada kaedah penyelidikan sains sosial. Merumuskan penulisan Syed Arabi Irid (2002) berkenaan analisis kandungan ini, didapati bahawa analisis kandungan melibatkan pencarian bahan-bahan sekunder seperti kajian ke atas surat-surat, isi kandungan akhbar-akhbar, dan teks-teks ucapan yang disampaikan oleh seseorang.

Analisis dokumen adalah penting untuk mendapatkan tahap kajian sesuatu penyelidikan yang lebih baik dan benar. Ahmad Sunawari Long (2005) juga berpendapat sedemikian. Beliau menambah bahawa kajian ini akan membantu penyelidik untuk memperolehi maklumat secara lebih mendalam terhadap apa yang dikaji, dapat menyusun dan mengenalpasti masalah yang dikaji, menajamkan perasaan untuk meneliti, membuat analisis yang lebih kritis dan memperluaskan pengalaman ilmiah. Analisis dokumen menurut beliau boleh diperolehi melalui dokumen-dokumen sejarah, laporan statistik, rekod institusi atau organisasi serta laporan atau rekod pentadbiran. Ini termasuk juga rekod kesihatan serta butiran kelahiran dan kematian serta peristiwa-peristiwa penting. Beliau juga menegaskan bahawa penyelidik perlu mengutamakan sumber primer daripada sumber sekunder kerana ia lebih sah dan mempunyai nilai akademik yang tinggi. Oleh yang demikian, penyelidik menggunakan data sekunder sebagai sokongan, penambahan dan memperincikan lagi serta mendalamkan pengetahuan penyelidik dari aspek teoritikal (Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah 2009).

Penyelidik berpendapat buku-buku, kertas kerja, jurnal, laporan tesis, artikel-artikel dan data rasmi kerajaan atau badan bukan kerajaan juga sebahagian daripada sumber untuk tujuan penganalisaan kandungan sesuatu penyelidikan.

Soal Selidik

Soal selidik (questionnaire) adalah kaedah yang paling banyak dan popular digunakan dalam kajian sains sosial. Ia digunakan bersama dengan kaedah-kaedah lain seperti observasi dan temubual bagi menguatkan lagi maklumat penyelidikan. Soal selidik mengandungi dua fungsi utama, pertama, sebagai penyampai maklumat demografi responden iaitu memberikan maklumat tentang individu atau ciri-ciri kumpulan seperti jantina, umur, tahap pendidikan, pekerjaan, pendapatan, agama dan sebagainya. Kedua, bertujuan untuk memberikan maklumat dalam bentuk pengukuran pembolehubah (variable) sama ada individu atau kumpulan. Soalan-soalan direka untuk mengukur fenomena seperti persepsi kumpulan, tahap penghayatan, tahap keagamaan dan sebagainya (Ahmad Sunawari Long 2011). Banyak penyelidikan boleh dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden. Antara kelebihan borang soal selidik ialah responden boleh mengambil masa yang sesuai untuk menjawab soal selidik yang diterima dan ini akan memberikan maklumat yang lebih baik kepada penyelidik. Tujuan soal selidik ini digunakan adalah untuk mendapatkan data premier yang diedarkan kepada golongan belia di KEDA Sadek berhubung tahap pengetahuan dan pengamalan terhadap agama. Hasil dapatan soal selidik akan dijelaskan dan dihurai dalam bab keempat nanti.

Data untuk kajian ini diukur dengan menggunakan kaedah Skala Likert. Skala yang diasaskan oleh Rensis Likert ini mengandungi sejumlah kenyataan yang menggambarkan sikap kesukaan atau tidak suka responden kepada objek (Ahmad Sunawari Long 2007).

Seramai enam puluh dua (62) orang telah dipilih sebagai subjek yang pecahannya terdiri daripada dua puluh empat (24) orang lelaki dan tiga puluh lapan (38) orang perempuan yang merupakan jumlah sebahagian belia yang bermastautin di KEDA Sadek dan memberikan kerjasama yang baik. Objektif pemilihan responden ini bagi memperoleh maklumat tentang kesan gejala negatif yang menghilangkan prinsip belia muslim merangkumi fizikal, akal dan rohani hingga menjadi permasalahan belia muslim di KEDA Sadek.

Bagi mendapatkan maklumat dan segala bahan yang diperlukan dari responden dalam kajian ini, data belia dengan pelbagai profil diperoleh dari pejabat KEDA, JKKK, Jawatankuasa 4P dan Biro Belia dan Sukan KEDA Sadek akan disemak. Ini untuk membentuk persoalan suasana persekitaran bagi setiap responden. Pengkaji akan melengkapkan soal selidik yang mengandungi bentuk soalan seperti yang tercatat di dalam bahagian a, b, c,

d dan e bagi mempermudahkan dan melancarkan lagi kajian yang dilakukan:-

i) Bahagian Pertama

Soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat, mengenal diri responden seperti tahap pendidikan, jantina, umur, status perkahwinan, bilangan anak dan bilangan adik-beradik.

ii) Bahagian Kedua

Soalan-soalan berbentuk latar belakang seperti taraf pendidikan ibu bapa, suasana keluarga responden dan seterusnya pandangan mereka terhadap keluarga mereka sendiri.

iii) Bahagian Keempat

Soalan-soalan yang berbentuk latar belakang gejala negatif yang lazim pada pengetahuan responden dan biasa berlaku di kalangan masyarakat responden.

iv) Bahagian Kelima

Soalan-soalan berbentuk pengetahuan, penghayatan agama serta permasalahan dakwah yang pernah dilalui oleh responden serta usul dan cadangan daripada responden dalam menangani masalah ini.

Kaedah Temubual

Temubual secara formal dan sebaliknya juga akan dijalankan bagi mendapat data kajian yang menyeluruh supaya ukuran kajian akan dapat dilaksanakan dengan seimbang. Temubual digunakan dalam kajian ini kerana ia merupakan satu kaedah yang dapat memberikan maklumat tambahan yang diperlukan secara terperinci (Creswell & Clark 2011). Malah menurut Creswell dan Clark (2011) kaedah temubual dapat membantu penyelidik untuk mendapat maklumat yang berguna dan bersesuaian dengan kajian.

Kaedah temubual adalah untuk mendapatkan data dalam kajian ini melalui temubual antara penulis dengan responden. Menurut Ahmad Sunawari Long (2005), kaedah temubual adalah kaedah langsung untuk mendapatkan data berbentuk pandangan daripada responden iaitu hubungan dua hala atau face to face antara penyelidik dan responden. Responden yang akan ditemubual terdiri daripada penduduk di KEDA Sadek untuk menguatkan lagi data-data yang diperolehi. Jenis temubual berstruktur agak relevan untuk diaplikasikan dalam kajian ini supaya penyelidik lebih cepat mendapat maklumat secara langsung, lebih meyakinkan kerana ia dapat diperhatikan kepada body language responden. Metode ini memberi suasana yang fleksibel kepada penyelidik untuk menyoal soalan dan mendapat maklum balas daripada responden.

Menurut beliau, kaedah temubual berstruktur merupakan satu bentuk temubual yang terkawal di mana penemuramah berperanan sebagai moderator menyediakan soalan-soalan dan memandu jawapan yang akan diberikan responden. Kelebihan kaedah ini ialah penyelidik dapat mengawal suasana dan pencapaian objektif kajian, menjimatkan kos, masa dan kewangan, memudahkan pemindahan data serta dapat membuat perbandingan data perolehan dengan penyelidik lain. Ia boleh dilakukan melalui cara temunbual melalui telefon, temubual bersemuka dan focus group discussion.

Temubual ini akan dilakukan ke atas beberapa individu dan organisasi yang terlibat dalam urus tadbir KEDA Sadek serta mempunyai pengamatan yang lebih arif dengan situasi semasa di KEDA Sadek. Temubual ini tidak terhad kepada belia muslim di KEDA Sadek tersebut sahaja, tetapi akan turut mengambil kira pandangan belia-belia di kawasan persekitaran yang berhampiran dengan KEDA ini. Sebagai data tambahan, penyelidik juga akan menemubual wakil beberapa institusi berdekatan seperti pihak Balai Polis Baling, Imam Masjid Kariah Sadek, Penghulu, JKKK dan jiran-jiran kepada responden.

Pemilihan Kawasan Kajian

Tumpuan kajian adalah di lokasi yang telah ditetapkan iaitu KEDA Sadek, Baling, Kedah. Kajian ini juga akan melihat secara langsung tentang permasalahan belia muslim di dalam kawasan berhampiran. Ia terdiri daripada Bukit Tinggi, Ladang Gadek, Tanjung Merbau, Seri Jenalik, Seberang Jaya, Bukit Legong, dan Banggol Nyior yang merupakan desa-desa yang berada di dalam qariah Sadek. Menjadi kebiasaan setiap kes sosial dan jenayah yang berlaku akan turut melibatkan desa-desa berdekatan. KEDA Sadek juga menjadi ‘port’ menyelamatkan diri dari buruan polis kerana jalan atau lorongnya yang banyak menjadikan pihak polis sukar membuat tangkapan dan akhirnya penjenayah dapat meloloskan diri. Kemudahan asas awam seperti bank, klinik, pejabat pos, sekolah rendah dan menengah, pasar awam, lokasi pasar malam dan pasar tani terbesar, pusat membeli belah dan beberapa keperluan awam yang lain terdapat di Pekan Kupang dan Baling, tidak di KEDA Sadek. Ini menyebabkan belia KEDA Sadek terlalu kerap berulang-alik ke kawasan yang lain dan masa yang sama mereka terdedah dengan pelbagai kemungkinan positif dan negatif.

LIMITASI KAJIAN

Kajian ini tentunya mempunyai limitasi dan batasan tertentu, kerana ada beberapa perkara yang tidak mampu diterokai yang sudaj semestinya melibatkan proses perbahasan yang lebih lama. Pengkajia akan hanya menyentuh tiga aspek sahaja iaitu bidang, lokasi dan subjek kajian seperti berikut:

- i. Lokasi bagi kajian ini bertempat di KEDA Desa Sadek, Kupang, Kedah.
- ii. Subjek bagi kajian ini ialah seramai 62 orang belia yang masih menetap di KEDA Sadek dan dapat dihubungi.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian mengenai kesedaran agama secara terperinci dan menjurus kepada permasalahan belia di KEDA masih belum diterokai lagi mengikut penelitian pengkaji setelah tinjauan dibuat di beberapa buah perpustakaan universiti seperti UKM, USM, UiTM, KUIN dan Institut Perguruan Sultan Abdul Halim (IPSAH), perpustakaan negara, perpustakaan awam, pusat-pusat penyelidikan seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan kedai-kedai buku yang dikunjungi ramai seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DPB) seterusnya di bahagian penerbitan ibu pajabat KEDA di Kedah.

Penulisan tajuk yang menyentuh berkenaan belia secara am boleh dikatakan mempunyai jumlah yang agak banyak dan bukan sesuatu yang asing bagi masyarakat kita hari ini. Apa yang dapat dipastikan, kebanyakan pendedahan terhadap penulisan permasalahan ini hanya menjurus ke arah objektif yang sangat terbatas tanpa ada kesinambungan dengan punca permasalahan dan penyelesaiannya secara menyeluruh kepada belia luar bandar di KEDA Sadek. Di antara contoh buku-buku tersebut, “Belia dan Masyarakat” oleh Dr. Azizan Bahari (1995), “Belia di Malaysia : Masalah, Gerakan dan Masa Depan” oleh Dr. Hussain Mohamed (1997), “Belia dan Masyarakat” oleh Saifuddeen Mohd. Salleh (Institut Kefahaman Islam Malaysia (2001) dan “Bimbingan Membina Jiwa & Minda Remaja Cemerlang” oleh Mustafa al-Ghalayini (1996).

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat penting sebagai pengkalan data yang dapat membantu badan-badan pertubuhan kerajaan dan bukan kerajaan dalam merangka penyelesaian kepada permasalahan yang berlaku di kalangan remaja. Bahkan hasil dapatan kajian mampu memperbaiki kekurangan dari aspek fungsi institusi kemasyarakatan dan agama dengan memberikan perhatian yang lebih serius kepada permasalahan ini. Selain itu, ia juga dapat :-

- i) Mengkaji tahap pemahaman agama di kalangan belia luar bandar.
- ii) Menjadi bahan rujukan yang berfaedah kepada generasi akan datang tentang permasalahan semasa di kalangan belia.
- iii) Memberi peluang kepada pihak institusi dan badan pertubuhan untuk meneruskan kajian susulan, untuk memantapkan lagi susunan modul pembelajaran dan kesedaran agama di kalangan belia.
- iv) Menyediakan suatu asas platform kepada kajian yang akan datang untuk meninjau tahap kefahaman agama dan keruntuhan moral belia-belia di desa-desa lain.
- v) Dapatkan kajian juga menyumbang ke arah sumbangan pihak institusi dan badan pertubuhan kepada masyarakat.

DEFINISI OPERASIONAL KAJIAN

Tajuk kajian ini ialah ‘Kesedaran Agama di Kalangan Belia. Untuk memahami istilah atau maksud tajuk kajian ini adalah perlu dijelaskan tafsirannya bagi memudahkan ia difahami dan memandu pengkaji mencapai maksud kajian ini.

Kesedaran Agama

Pengkaji memberi maksud definisi dari perspektif kajian ini iaitu :

‘Kesedaran’ merujuk Kamus Dewan (2002) diertikan sebagai perihal keadaan dan lain-lain, sedar akan sesuatu, keinsafan dan ingatan. Ia lebih bersifat perasaan atau fikiran yang terhasil dari tindak balas pengetahuan yang berpusat di minda.

‘Agama’ Mengikut Kamus Dewan (2002), agama ialah kepercayaan kepada Tuhan dan sifat-sifat kekuasaan Tuhan dan penerimaan ajaran dan perintah-Nya. Agama di dalam bahasa arab disebut ad-din

Belia

Mengikut Kamus Dewan (2002). Belia bererti muda belia, sangat muda, golongan muda secara keseluruhannya yang terdiri daripada pemuda dan pemudi. Konsep belia mempunyai beberapa tafsiran yang sedikit berbeza mengikut kondisi perbincangan dan kajian. Contohnya istilah remaja digunakan kepada golongan belia yang merujuk kepada perbincangan berbentuk pendidikan dan zaman awal belia.

Oleh yang demikian, apabila digabungkan ‘Kesedaran Agama di Kalangan Belia’ yang dimaksudkan dalam kajian ini, ia membawa maksud pemahaman dan penguasaan agama di kalangan belia yang memberi kesan kepada tatacara kehidupan masyarakat.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, pendakwah, institusi masyarakat dan agama memainkan peranan yang penting dalam memberi kefahaman dan penerapan akidah, syariat dan akhlak kepada golongan belia. Tanpa pengetahuan agama yang baik, ia tidak akan membantu membina kesedaran agama dalam diri setiap individu. Sekaligus mereka hanya akan meneruskan kelangsungan kehidupan berpaksikan kehendak dan naluri masing-masing.

Tahap kesedaran agama yang rendah akan menyumbang kepada gejala negatif hingga kepada pelakuan jenayah yang lebih serius. Impak yang sangat dikhuatiri adalah rosaknya generasi belia sekali gus memberi gambaran bagaimana generasi akan datang. Sehubungan itu, penelitian terhadap kesedaran agama di kalangan belia ini perlu diberi perhatian yang mendalam. Penetapan kriteria remaja muslim sangat diperlukan dengan melihat kepada tahap penerapan agama yang bersepadan dan krikulum yang selaras. Usaha ini akan menyelamatkan generasi dari hilang jati diri sebagai Muslim.

RUJUKAN

Abdullah Muhammad Zin. 2001. Peranan Agama Dalam Memartabatkan Generasi Muda. Dlm. Shaikh Mohd. Saifuddeen Shaikh Mohd. Salleh (pnyt). Belia dan Masyarakat. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Ahmad Sunawari Long. 2005. Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian Islam. Bangi. Jabatan Usuluddin dan Falsafah.

Azizan Bahari. 1995. Pergerakan Belia : Persoalan & Cabaran. Institut Kajian Dasar.

Faisal Othman. 1991. Islam dan Pembangunan Masyarakat Malaysia. Dlm. Ismail Abdul Rahman & Mohd Nasir Omar (pnyt). Islam : Cabaran dan Isu Semasa. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.

Kamus Dewan. 2002. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah (2009) Cabaran Psikologi Saudara Baru: Kajian Di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Muhammad Khairul Azhar Ghazali
Nur 'Athiroh Masyaa'il Tan Abdullah
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor.